



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 25 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MARA CATAT LEBIH RM100 JUTA JUALAN GATE TO GLOBAL		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/24/mara-catat-lebih-rm100-juta-jualan-gate-to-global/	KOSMO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/program-gtg-nilai-jualan-lebih-rm100-juta-diraih	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2482537	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2025/10/1462844/mara-catat-jualan-lebih-rm100-juta-di-bawah-program-gate-global	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2482538	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/24/mara-catat-nilai-jualan-lebih-rm100-juta-bawah-program-gtb-di-pasaran-global/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/24/mara-gate-to-global-scheme-sees-rm100mil-in-int039l-sales-this-year	THESTAR.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mara-catat-lebih-rm100-juta-nilai-jualan-gate-global-tahun-ini-544341	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/24/mara-raih-jualan-lebih-rm100-juta-menerusi-program-gtb/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PENDUDUK KAWASAN BERISIKO BANJIR DIINGATKAN SEGERA BERPINDAH		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/penduduk-kawasan-berisiko-banjir-diingatkan-segera-berpindah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279291/penduduk-kawasan-berisiko-banjir-diingatkan-segera-berpindah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2482328	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-perak-penduduk-kawasan-berisiko-diingatkan-segera-berpindah-544278	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/berita/penduduk-kawasan-banjir-perak-diingatkan-jangan-tunggu-saat-akhir/	THESUN.MY	
	https://umno-online.my/2025/10/24/utamakan-keselamatan-jkm-siap-sedia-hadapi-banjir-di-perak-salbiah/	UMNO-ONLINE.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	HUJAN LEBAT: DUA DAERAH DI PERAK DILANDA BANJIR		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/hujan-lebat-dua-daerah-di-perak-dilanda-banjir	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753830/edisi/perak/banjir-makin-buruk-di-perak-lebih-1700-mangsa-dipindahkan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2482270	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/24/over-2000-flood-victims-evacuated-in-perak	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiabangkit.com/banjir-perak-memburuk-hampir-2000-penduduk-dipindahkan/	MALAYSIABANGKIT.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	469 MANGSA BANJIR DITEMPATKAN DI TUJUH PPS DI PULAU PINANG		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/10/24/469-mangsa-banjir-ditempatkan-di-tujuh-pps-di-pulau-pinang/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1300943/heavy-rain-triggers-floods-penang-three-relief-centres-opened	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	37 PPS DIBUKA DI TIGA NEGERI, JUMLAH MANGSA MENINGKAT KEPADA 3,441 ORANG		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462685/37-pps-dibuka-di-tiga-negeri-jumlah-mangsa-meningkat-kepada-3441	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	JKM KESAN WARIS THEVANESH		NEUTRAL

<https://www.melakahariini.my/jkm-kesan-waris-thevanesh/>

MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PENGAJARAN PENTING: JANGAN CARI PASAL DENGAN PEREMPUAN		POSITIF

<https://www.sinarharian.com.my/article/753824/suara-sinar/pojok/pengajaran-penting-jangan-cari-pasal-dengan-perempuan>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	GARIS PANDUAN KHAS PERKUKUH PENGENDALIAN KES KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK		POSITIF

<https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/garis-panduan-khas-perkukuh-pengendalian-kes-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak>
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462863/garis-panduan-baharu-perkasa-pengendalian-kes-jenayah-seksual>

BERITA.RTM.GOV.MY

BHARIAN.COM.MY

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2482632>

BERNAMA.COM

<https://www.buletintv3.my/nasional/4-komponen-utama-lindungi-mangsa-kanak-kanak-daripada-trauma/>

BULETINTV3.MY

<https://thesun.my/berita/garis-panduan-khas-lancar-untuk-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak/>

THESUN.MY

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/24/garis-panduan-khas-2025-perkukuh-perlindungan-kanak-kanak>

FREEMALAYSIATODAY.COM

<https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1301182/govt-judiciary-unveil-new-guidelines-strengthen-child-sexual-offence>

NST.COM.MY

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/garis-panduan-khas-2025-perkukuh-perlindungan-kanakkanak-dalam-sistem-keadilan-azalina-544368>

ASTROAWANI.COM

<https://malaysiagazette.com/2025/10/24/empat-komponen-utama-fokus-garis-panduan-khas-2025-lindungi-kanak-kanak/>

MALAYSIAGAZETTE.COM

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	OP PEDO 2.0: POLIS RAMPAS 880,000 FAIL DIGITAL PENGANIAYAAN SEKSUAL KANAK-KANAK DAN PORNOGRAFI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462727/op-pedo-20-polis-rampas-880000-fail-digital-penganiayaan-seksual-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/polis-rampas-888,000-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak-csam	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/24/polis-rampas-lebih-880000-bahan-lucah-kanak-kanak-dewasa	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/24/op-pedo-2-0-polis-rampas-880000-bahan-lucah-kanak-kanak-dewasa/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	OP PEDO 2.0: ENAM KANAK-KANAK ANTARA 31 INDIVIDU DITAHAN MEMILIKI, MENJUAL VIDEO PORNOGRAFI KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/op-pedo-2-0-enam-kanak-kanak-antara-31-individu-ditahan-memiliki-menjual-video-pornografi/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1279343/op-pedo-6-kanak-kanak-remaja-antara-31-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462729/remaja-antara-31-ditahan-dalam-operasi-banteras-edar-miliki-bahan-seksual	BHARIAN.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/news.php/am/jenayah_mahkamah/news.php?id=2482454	BERNAMA.COM	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/jaringan-pedofilia-tumpas-31-individu-termasuk-kanak-kanak-ditahan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/24/31-arrested-for-involvement-in-child-sexual-abuse-under-ops-pedo-20	THESTAR.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/758916	MALAYSIAKINI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1300945/updat-ed-six-minors-among-31-arrested-nationwide-child-porn-crackdown	NST.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/31-lelaki-termasuk-pelajar-guru-ditahan-dalam-op-pedo-20-544298	ASTROAWANI.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/758923	MALAYSIAKINI.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/op-pedo-jaringan-pedofilia-dalam-talian-tumpas-remaja-antara-31-individu-ditahan/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://dayakdaily.com/op-pedo-12yo-among-31-arrested-17yo-earned-rm76000-from-selling-child-sex-abuse-material/	DAYAKDAILY.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=vZ0PHVUyR54	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	REMAJA LELAKI 17 TAHUN RAIH RM76,000 DALAM 9 BULAN JUAL VIDEO LUCAH KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462757/remaja-lelaki-17-tahun-raih-rm76000-dalam-9-bulan-jual-video-lucah-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753880/berita/semasa/remaja-17-tahun-kaut-rm76000-jual-video-lucah-porno-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279357/op-pedo-calon-spm-ditahan-jual-bahan-csam-rm76000	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/10/calon-spm-jana-rm76000-hasil-jualan-video-pornografi-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-pedo-20-remaja-17-tahun-jana-rm76000-jual-bahan-lucah-kanakkanak-di-ruang-siber-544302	ASTROAWANI.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/24/op-pedo-teen-earned-rm76000-from-child-sex-abuse-material-sales-12-year-old-among-31-suspects-arrested-by-police/195739	MALAYMAIL.COM	
	https://www.scoop.my/news/272328/malaysian-teen-made-rm76000-selling-child-porn-as-police-bust-major-online-abuse-ring/	SCOOP.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/10/24/polis-dedah-remaja-umur-17-tahun-raih-rm76000-dalam-masa-9-bulan-kaut-untung-jual-video-lucah-kanak-kanak	MSTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	AMANG SEKSUAL REMAJA PEREMPUAN, PEMANDU JENKAUT DIPENJARA 5 TAHUN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279310/ama ng-seksual-remaja-perempuan-pemandu-jengkaut-dipenjara-5-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemandu-jengkaut-dipenjara-5-tahun-dituduh-sentuh-remaja-dalam-bas/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462665/sen tuh-paha-remaja-pemandu-jengkaut-dipenjara-lima-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753856/berita/semasa /pemandu-jengkaut-dipenjara-5-tahun-sentuh-remaja-dalam-bas	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/24/pemandu-jengkaut-dijel-5-tahun-sentuh-kanak-kanak-dalam-bas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/pemandu-jengkaut-dipenjara-lima-tahun-amang-seksual-kanak-kanak-dalam-bas/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PENGANGGUR MENGAKU SALAH CEDERAKAN ANAK PEREMPUAN BERUSIA 10 TAHUN GUNA PARANG		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462855/pen ganggur-mengaku-salah-cederakan-anak-perempuan-berusia-10-tahun-guna	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1279466/peng anggur-mengaku-salah-cederakan-anak-kandung-dengan-parang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753926/berita/semasa /penganggur-mengaku-salah-cederakan-anak-kandung-dengan-parang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/24/penganggur-mengaku-cederakan-anak-perempuan-10-tahun-guna-parang/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NORAINI menyaksikan penyerahan replika cek yang disampaikan oleh Rosni (kini) kepada seorang usahawan pada Program Pemerkasaan Wanita MARA & Seminar Kenegaraan Madani 2025 Peringkat Negeri Johor di Dewan Kenanga, Menara MBJB, Johor Bahru hari ini. Foto RAJA JAAFAR ALI/KOSMO!

Mara catat lebih RM100 juta jualan Gate To Global

Oleh MOHD SHARAWI LONDING 34 Oktober 2025, 2:21 pm

JOHOR BAHRU – Majlis Amanah Rakyat (Mara) mencatatkan rekod jualan lebih RM100 juta menerusi Program Gate to Global (GTG).

Ahli Majlis Mara merangkap Pengerusi Program Pemerkasaan Wanita Mara, Datuk Rosni Sohar berkata, rekod jualan itu hasil pemasaran pelbagai produk terutama berasaskan makanan dan minuman melibatkan 133 usahawan Mara termasuk dalam kalangan wanita.

Jelasnya, produk hasil usahawan Bumiputera dibawah Mara telah menembusi pasaran antarabangsa termasuklah China, Indonesia, Korea Selatan dan Thailand.

"Pada 5 hingga 10 November ini, 16 usahawan daripada Mara akan menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) di Shanghai, China.

"Untuk rekod, seramai 133 usahawan termasuk wanita telah menyertai GTG tahun ini, mereka berjaya meningkatkan pasaran ke peringkat global. Ini merupakan satu galakan yang begitu baik daripada Mara untuk usahawan-usahawan Bumiputera termasuk dalam memperkasakan wanita,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Pemerkasaan Wanita Mara dan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani Peringkat Negeri Johor di Dewan Kenanga, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB, di sini hari ini.

Hadir merasmikan program ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Dalam pada itu, Rosni berkata, tujuan utama pelaksanaan program tersebut adalah untuk memperkasa wanita Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Jelasnya, melalui penekanan konsep 3P, iaitu Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan, Mara berperanan memperkukuh keupayaan wanita agar menjadi lebih berdaya tahan, inovatif, dan berkemampuan menjana pendapatan secara berdikari.

"Usaha ini bukan sahaja memberi manfaat kepada wanita sebagai individu, malah turut menyumbang kepada kemakmuran ekonomi keluarga, pembangunan komuniti, dan kemajuan negara secara keseluruhan.

"Selain itu, program ini turut memberi pendedahan serta akses kepada pelbagai inisiatif keusahawanan Mara seperti geran padanan, kemudahan pembiayaan, program inkubator, latihan keusahawanan, serta fasiliti perniagaan yang lengkap dan kondusif.

"Melalui sokongan yang menyeluruh ini, Mara berperanan membantu usahawan wanita mengembangkan perniagaan secara mampan, meningkatkan daya saing, dan menembusi pasaran yang lebih luas, sekali gus memperkukuh peranan wanita dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara,"katanya.-KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penduduk kawasan berisiko banjir diingatkan segera berpindah

24 Oktober 2025, 11:42am



Keadaan banjir yang semakin buruk, terutama di daerah Larut, Matang dan Selama (LMS).

IPOH: Penduduk di kawasan berisiko banjir diingatkan agar tidak menunggu saat akhir untuk berpindah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, keselamatan nyawa diri dan keluarga perlu menjadi keutamaan dan mereka yang berkenaan diseru membuat persediaan awal.

"Sekiranya diarahkan berpindah, segeralah ke pusat pemindahan sementara (PPS) terdekat," katanya menerusi hantaran di Facebook, hari ini.



Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed (kiri). Foto Ihsan FB Salbiah Mohamed

Menurut Salbiah, pasukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama agensi penyelamat sudah bersiap siaga sepenuhnya di lapangan bagi menghadapi bencana itu.

Beliau berkata, persediaan rapi dibuat termasuk menyediakan tempat perlindungan yang selamat dan selesa, makanan, minuman dan keperluan asas bagi setiap mangsa selain sokongan psikososial kepada keluarga yang terkesan serta menyelaras sumbangan dan sukarelawan agar bantuan sampai dengan teratur.

"Kerajaan Perak memberi jaminan setiap keperluan rakyat yang terkesan akan dijaga dengan sebaiknya. Bagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau individu yang ingin menyalurkan sumbangan, boleh terus menghubungi Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) di daerah masing-masing untuk penyelaras bantuan," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada semua petugas barisan hadapan dan sukarelawan yang berkhidmat demi kesejahteraan rakyat.

Setakat jam 8 pagi hari ini, sebanyak 2,171 penduduk daripada 759 keluarga dipindahkan ke 22 PPS di daerah Larut Matang dan Selama serta Manjung (LMS) apabila hujan lebat sejak pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan di daerah berkenaan dinaiki air.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hujan lebat: Dua daerah di Perak dilanda banjir

Nasional - Dicipta: 24 Oktober 2025 11:43 AM



FOTO BERNAMA

CHANGKAT JERING, 24 Oktober - Dua daerah di Perak dilanda banjir susulan hujan lebat berterusan sejak pagi semalam.

Dua daerah itu melibatkan daerah Larut, Matang dan Selama serta Manjung.

Larut, Matang dan Selama merekodkan bilangan penduduk terjejas banjir tertinggi iaitu lebih 1,700 orang daripada 638 keluarga yang ditempatkan di 20 pusat pemindahan sementara (PPS).

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Larut Matang Dan Selama, Mohd Nasrul Menhat, operasi menyelamatkan dan bantuan digerakkan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Antara kawasan yang terjejas ialah Kampung Simpang Halt, Kampung Sungai Baru, Kampung Salak Baru, Kampung Sungai Lubok, Kampung Masjid, Kampung Batu 8, Kampung Batu 9 dan Kampung Ulu Sepetang.

"Antara PPS yang dibuka ialah Dewan Perdana Trong, Dewan Orang Ramai Sungai Baru Trong, Masjid Al-Wusta Batu 8, Sekolah Kebangsaan (SK) Simpang dan SK Batu Hampar, manakala di Manjung melibatkan SK Sungai Batu, SK Beruas dan Sekolah Agama Rakyat Padang Serai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada RTM selepas meninjau PPS Dewan Serbaguna Masjid Alwusta Batu 8, Taiping, Perak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



469 mangsa banjir ditempatkan di tujuh PPS di Pulau Pinang

Oleh Malinda Abdul Malik - 24 October 2025



Tujuh PPS dibuka di Pulau Pinang setakat ini.

GEORGE TOWN – Seramai 469 mangsa banjir daripada 156 keluarga kini ditempatkan di tujuh pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka di tiga daerah di Pulau Pinang setakat jam 1 tengah hari tadi.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Seberang Perai Utara (SPU) merekodkan jumlah pemindahan tertinggi apabila 404 mangsa daripada 116 keluarga dipindahkan ke tiga PPS yang diaktifkan sejak semalam.

Di Seberang Perai Tengah (SPT) pula, tiga PPS turut dibuka bagi menempatkan 43 mangsa daripada 32 keluarga, manakala satu PPS di daerah Barat Daya menempatkan 22 mangsa daripada lapan keluarga yang terkesan akibat hujan berterusan sejak awal minggu ini.

Keseluruhan mangsa yang ditempatkan terdiri daripada 161 lelaki dewasa, 141 wanita dewasa, 83 kanak-kanak lelaki, 77 kanak-kanak perempuan, seorang bayi lelaki dan enam bayi perempuan.

Setakat jam 2 petang ini, keadaan cuaca di beberapa kawasan di negeri ini hujan renyai, dengan pemantauan berterusan dijalankan oleh pihak berkuasa bagi menghadapi sebarang kemungkinan gelombang kedua banjir. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



37 PPS dibuka di tiga negeri, jumlah mangsa meningkat kepada 3,441 orang

Nurshah Alreya Hassan - Oktober 24, 2023 @ 12:24pm



Kedua banjir di kawasan Chongkat Larih dalam daerah Larut, Matang dan Selama. - Foto tular

KUALA LUMPUR: Jumlah pusat pemindahan sementara (PPS) yang beroperasi di tiga negeri iaitu Kedah, Perak dan Pulau Pinang meningkat kepada 37 dengan 3,441 mangsa banjir daripada 1,175 keluarga setakat jam 12 tengah hari, hari ini.

Menurut data Portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), di Perak merekodkan peningkatan jumlah mangsa daripada 2,200 kepada 2,202 orang, membabitkan 757 keluarga.



Beberapa daerah di Perak dilanda banjir kilat susulan hujan lebat berterusan. FOTO Ihsan Angkatan Pertahanan Awam (APM) negeri Perak



Anggota APM Kulim memasangkan kemah di PPS yang dibuka di daerah Kulim untuk menempatkan mangsa banjir. FOTO IHSAN APM

Kesemua mangsa kini ditempatkan di 22 PPS yang dibuka sejak semalam, meliputi dua daerah paling terjejas iaitu Larut, Matang dan Selama serta Manjung.

Sementara itu, Kedah turut mencatatkan peningkatan jumlah mangsa daripada 155 kepada 945 orang, membabitkan 293 keluarga di dua daerah.

Setakat ini, lapan PPS dibuka di daerah Kulim dan Kuala Muda, masing-masing di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Choong Cheng, Sekolah Menengah Agama (SMA) Insaniah Jangkang, Sekolah Kebangsaan Pagar Museh, SJKC Khai Min, Surau Taman Sang Kancil, Dewan Orang Ramai Sungai Karangan, Surau Kampung Paya Tok Betok serta Surau Kampung Padang Meha.



Kedua banjir di Taman Air Putih Permai, Simpang akibat hujan lebat berterusan semalam.

Pada masa sama, di Pulau Pinang, jumlah PPS yang beroperasi dilaporkan turut meningkat kepada tujuh, berbanding hanya satu setakat jam 8.30 pagi tadi.

Peningkatan itu melibatkan penduduk di tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara (Permatang Berangan), Barat Daya (Baik Pulau) dan Seberang Perai Tengah (Penanti) dengan 294 mangsa daripada 125 keluarga.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka melanda 11 negeri seluruh Malaysia sehingga jam 9 petang ini.

Menurut kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook rasmi MetMalaysia, fenomena tersebut dijangka melanda keseluruhan Perlis, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.



Anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) membantu mangsa banjir di daerah Barat Daya di sini. - Foto NSTP/Ihsan APM

Di Kedah, amaran melibatkan beberapa daerah termasuk Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pokok Sena, Yon, Pendang, Kuala Muda, Kulim dan Bandar Baharu.

Bagi Perak pula, cuaca berkenaan dijangka melanda daerah Kerian, Larut, Matang Dan Selama, Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk dan Hilir Perak.

Di Selangor membabitkan Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Petaling, Kuala Langat dan Sepang, manakala di Negeri Sembilan pula memberi kesan kepada Seremban, Port Dickson dan Rembau).

Kawasan lain yang turut dijangka dilanda ribut petir di Melaka ialah Alor Gajah dan Melaka Tengah, manakala di Sarawak pula membabitkan Sarikei (Sarikei), Mukah, Bintulu (Tatau dan Bintulu) dan Miri (Subis dan Miri).

Di Sabah, amaran membabitkan kawasan pedalaman seperti Kuala Penyu, Beaufort, Keningau dan Tambunan, termasuk di Pantai Barat, Tawau (Tawau, Kunak dan Semporna), Sandakan (Telupid, Beluran dan Sandakan) dan Kudat," jelasnya.

Pada masa sama, MetMalaysia menasihatkan orang ramai agar berwaspada terhadap sebarang kemungkinan seperti banjir kilat dan pokok tumbang susulan cuaca tidak menentu ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PEJABAT Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin sedang mengesan waris Thevanesh, kanak-kanak lelaki berusia 14 tahun.

JKM KESAN WARIS THEVANESH

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID
JUMAAT, 24 OKTOBER 2025 @ 11:55

JASIN 24 Oktober – Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin sedang mengesan waris kanak-kanak lelaki, Thevanesh A/L Suresh Kumar.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah jasin Nazurah Mohd Noh berkata, pihaknya menerima aduan berhubung kanak-kanak lelaki berusia 14 tahun itu yang tidak mempunyai waris dan penjaga yang sah.

Katanya, siasatan awal mendapati kanak-kanak tersebut hanya mempunyai salinan sijil kelahiran sahaja tanpa mengenali ibu dan bapa kandungnya.

“Berdasarkan maklumat, kanak-kanak ini berasal dari Selangor, di mana bapanya Suresh Kumar A/L Gopal yang juga berasal dari Selangor telah meninggal dunia pada tahun 2018 ketika berusia 52 tahun.

“Ibunya pula bernama Lee Sook Lim berusia 36 tahun, juga berasal dari Selangor,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai waris kanak-kanak ini boleh menyalurkannya ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin, Melaka atau Pelindung di talian 06-5291285.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengajaran penting: Jangan cari pasal dengan perempuan



MERAK JALANAN [Follow](#)

24 Oktober 2025 08:10am



Zaman sekarang kalau perempuan marah, jangan pandang enteng. Gambar hiasan

MERAK Jalanan tak tahu apa yang berlaku dalam kepala lelaki zaman sekarang. Sudah tahu perempuan zaman ini bukan lagi lemah lembut macam zaman dulu-dulu, masih juga berani main api.

Dua minggu lalu, kecoh di Johor apabila seorang wanita nekad memotong alat sulit teman lakinya akibat cemburu apabila mengetahui lelaki itu masih mempunyai isteri di negara asal.

Di Melaka pula, seorang janda telah membaling pasu ke muka bekas kekasih hingga cedera parah selepas dicerderakan lelaki itu. Dua kes berbeza tapi mesejnya sama, jangan cari pasal dengan perempuan.

Zaman sekarang kalau perempuan marah, jangan pandang enteng. Kadang tangan yang lembut itulah yang baling telefon, pecahkan cermin kereta atau lebih ngeri, capai pisau dapur. Ada juga yang tiba-tiba boleh berubah jadi Hulk.

Namun jangan pula kita ambil jalan mudah menuduh perempuan makin ganas. Sebenarnya ini cerminan betapa hubungan manusia hari ini semakin rapuh dan dipenuhi amarah. Media sosial, tekanan hidup, cemburu tanpa batas, keganasan rumah tangga semua jadi bahan bakar kepada kemarahan yang akhirnya meletup tanpa sempadan.

Kalau diteliti, banyak tragedi bermula daripada hal kecil, mesej dibaca tapi tak balas, keluar dengan kawan lama atau sekadar janji makan malam yang dilupakan.

Merak Jalanan bukan hendak bela sesiapa, tapi mahu ingatkan semua, sayang itu bukan lesen untuk menyakiti dan jangan sesekali curang antara satu sama lain.

Nasihat buat kaum lelaki, kalau tahu pasangan sedang marah, janganlah tambah minyak petrol bersubsidi. Kadang-kadang diam lebih selamat daripada berdebat. Mengalah tak bererti kalah. Kalau dulu orang kata perempuan jangan dibuat main, hari ini Merak Jalanan tambah satu lagi, kalau tak mahu cedera, jangan cari pasal dengan perempuan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Garis panduan khas perkukuh pengendalian kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 24 Oktober 2025 07:10 PM



Azalina Othman Said

PUTRAJAYA, 24 Oktober- Kerajaan hari ini memperkenalkan garis panduan khas yang bertujuan memperkukuh perlindungan kanak-kanak dalam sistem keadilan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, garis panduan itu menekankan empat aspek utama termasuk siasatan beretika, prosedur mahkamah mesra kanak-kanak, pelantikan pendamping guaman atau penyokong saksi serta sokongan psikososial dan pemulihan pasca percabaran.

"Empat komponen utama ini dibangunkan hasil sesi libat urus dan bengkel bersama pelbagai agensi antara Januari hingga Ogos lalu. Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap peringkat siasatan dan percabaran dijalankan secara beretika, meminimumkan trauma terhadap mangsa dan memelihara kepentingan terbaik kanak-kanak," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran garis panduan khas pengendalian kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak 2015 di Istana Kehakiman hari ini.

Beliau berkata, walaupun garis panduan tersebut belum bersifat mengikat secara undang-undang, ia menjadi asas penting dalam penyelarasan amalan terbaik di seluruh agensi penguat kuasa dan badan kehakiman, serta membuka ruang ke arah pewartaan sebagai prosedur mandatori pada masa akan datang.

Azalina menegaskan, pelaksanaan garis panduan itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk mewujudkan sistem keadilan yang lebih berperikemanusiaan, profesional dan berpaksikan kepentingan kanak-kanak, sejajar dengan komitmen Malaysia di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menuntut setiap kanak-kanak dilindungi daripada penderaan dan eksploitasi

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Op Pedo 2.0: Polis rampas 880,000 fail digital penganiayaan seksual kanak-kanak dan pornografi

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Oktober 24, 2025 @ 1:31 pm



Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail menunjukkan bahan bukti pada sidang media OP Pedo Bersepadu PDRM-SKMM 2.0 di Menara 2, Bukit Aman, Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Raihana Mansor

KUALA LUMPUR: Lebih 880,000 fail digital mengandungi bahan-bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) dan pornografi dewasa ditemui dalam operasi khas bersepadu Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam Op Pedo 2.0, bulan lalu.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail, berkata rampasan itu membabitkan 82 peranti digital termasuk komputer, telefon bimbit, modem dan storan digital hasil serbuan di 37 lokasi seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah fail yang ditemukan menunjukkan peningkatan lebih 20 kali ganda berbanding operasi terdahulu, Op Pedo 1.0, yang dijalankan Disember tahun lalu dan hanya merekodkan 40,000 fail digital.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan JSJ Bukit Aman, Datuk M Kumar S Muthuvelu; Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian D11, JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan dan Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian MCMC, Dr Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen.

Beliau berkata, operasi kali ini turut membawa kepada penahanan 31 suspek termasuk seorang warga asing, kesemuanya lelaki berusia antara 12 hingga 71 tahun, termasuk pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi, jurutera, pereka grafik dan guru agama.

"Operasi disertai 206 pegawai dan anggota daripada 14 kontingen PDRM, dilaksanakan hasil risikan digital dan pemantauan berterusan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman dengan kerjasama MCMC serta agensi luar negara.

"Operasi dijalankan serentak bagi menumpaskan rangkaian pengedaran bahan lucah kanak-kanak yang aktif menggunakan pelbagai platform digital termasuk Telegram, WhatsApp, Tumblr, Facebook dan laman sesawang tersembunyi," katanya.

Katanya, latar belakang tangkapan termasuk kalangan pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi, jurutera, pereka grafik, tukang masak, guru serta penganggur.

Menurutnya, pemeriksaan forensik mendapati bahan yang dirampas mengandungi subjek daripada dalam dan luar negara, termasuk mangsa tempatan yang dikenal pasti hasil analisis awal pasukan penyiasat.

Setakat ini, 29 kertas siasatan dibuka, manakala 17 suspek sudah dituduh di mahkamah termasuk 15 yang mengaku bersalah dan dikenakan denda antara RM1,000 hingga RM10,000, sementara dua lagi masih dibicarakan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 8 dan 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, Seksyen 292 Kanun Keseksaan serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 bagi warga asing.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Op Pedo 2.0: Enam kanak-kanak antara 31 individu ditahan memiliki, menjual video pornografi kanak-kanak



MCHD, Khalid ketika sidang akhbar Op Pedo 2.0 di Bukit Aman di sini, hari ini.

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM 24 Oktober 2025, 2:55 pm

KUALA LUMPUR: Enam kanak-kanak bawah umur antara 31 individu ditahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Op Pedo 2.0 disyaki memiliki dan menjual bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) dan pornografi dewasa di media sosial, bulan lalu.

Lebih mengejutkan, seorang daripada suspek berusia 17 tahun yang merupakan calon Sijil Pemeriksaan Malaysia (SPRM) dipercayai menjual video-video CSAM yang dimuat naik daripada Tumblr dan jual serendah RM30 melalui Telegram sehingga mengaut keuntungan mencecah RM76,000 sejak sembilan lalu.

Op Pedo 2.0 diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (DII) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan dibantu oleh 206 anggota dan pegawai, dijalankan di 37 lokasi seluruh negara pada 22 hingga 30 September lalu.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd. Khalid Ismail berkata, dalam serbuan itu, seramai 31 individu berusia 12 hingga 71 tahun ditahan terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk guru, jurutera, pereka grafik, tukang masak, pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT) serta penganggur.

Katanya, daripada tangkapan tersebut, seramai enam kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun turut ditahan kerana memiliki dan menjual video-video tersebut.

"Modus operandi jenayah ini melibatkan tindakan suspek mengakses dan memuat turun bahan CSAM melalui Telegram, WhatsApp, Facebook, Instagram, Tumblr, dark web serta 'cloud storage'.

"Sebahagian mereka berperanan sebagai pentadbir (admin) kumpulan Telegram dan menawarkan akses berbayar kepada bahan CSAM melalui transaksi e-wallet dan kod QR perbankan seperti AmBank dan Touch 'n Go.

"Pemeriksaan awal menemukan lebih 880,000 gambar dan video hasil rampasan 82 peranti digital yang mengandungi bahan CSAM," katanya dalam sidang akhbar Op Pedo 2.0 di Bukit Aman di sini, hari ini.

Mohd. Khalid berkata, maklumat diperoleh melalui analisis siber, pemantauan dark web, serta aduan pengguna yang prihatin terhadap aktiviti mencurigakan berkaitan eksploitasi seksual kanak-kanak dalam talian.

Jelasnya, jumlah fail digital diperoleh 20 kali ganda meningkat berbanding Op Pedo 1.0 iaitu 40,000 pada Disember lalu.

"Melalui operasi ini, kita mengesan penglibatan individu yang diberi amanah seperti guru agama selain kewujudan elemen komersialisasi menjadikan pola jenayah yang semakin berstruktur dan bermotifkan keuntungan kewangan.

"Malah, kita mendapati penglibatan golongan remaja iaitu pelajar sekolah dan penuntut IPT sebagai pelaku antara umur 17 hingga 21 tahun termasuk pelajar yang mendapat keuntungan sehingga RM76,000 kerana menjual video ini.

"Jenayah seumpama ini semakin membimbangkan dari tahun ke tahun kerana bukan sahaja mengancam keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak, tetapi turut menggugat keharmonian masyarakat serta berpotensi mencetuskan peningkatan jenayah kekerasan lain yang boleh menggugat keamanan negara," katanya.

Beliau menegaskan, PDRM tidak akan berkompromi dengan mereka terlibat dengan jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam talian kerana ia merupakan satu jenayah yang amat serius dan tidak akan dikompromi," katanya. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja lelaki 17 tahun raih RM76,000 dalam 9 bulan jual video lucah kanak-kanak

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Oktober 24, 2025 @ 2:37pm



Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail pada sidang media OP Pedo Bersepadu PDRM-SKMM 2.0 di Menara 2, Bukit Aman, Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Raihana Mansor

KUALA LUMPUR: Seorang remaja 17 tahun menjana lebih RM76,000 hasil jualan video lucah kanak-kanak dalam talian dalam tempoh sembilan bulan, antara penemuan paling mengejutkan hasil Op Pedo Bersepadu 2.0 dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Suspek yang ditahan dalam Op Pedo Bersepadu PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC), bulan lalu itu sekali gus membuka sisi gelap baharu kepada jenayah seksual dalam talian di negara ini.

Remaja itu antara 31 individu kesemuanya lelaki berusia antara 12 hingga 71 tahun termasuk seorang warga asing yang ditahan dalam operasi di 37 lokasi seluruh negara antara 22 hingga 30 September lalu.

Siasatan mendapati remaja lelaki itu menggunakan aplikasi Tumblr memuat turun bahan CSAM sebelum dia mewujudkan kumpulan Telegram bagi menjual bahan itu.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail, berkata siasatan mendapati kegiatan itu menunjukkan peralihan moral yang membimbangkan apabila remaja bawah umur bukan sahaja menjadi mangsa, malah turut menjadi pelaku jenayah seksual digital.

"Tangkapan berusia 17 tahun telah mencatat aliran kewangan untuk sembilan bulan pertama 2025 dengan jumlah RM76,000.

"Ini menunjukkan peralihan tahap moral yang membimbangkan dalam kalangan generasi muda," katanya dalam sidang media di Bukit Aman, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk M Kumar S Muthuvelu; Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian D11, JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan dan Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian MCMC, Dr Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen.

Beliau berkata, siasatan turut menemukan lebih 880,000 fail kandungan eksploitasi seksual kanak-kanak (CSAM) dan pornografi dewasa daripada 82 peranti digital dirampas, peningkatan hampir 20 kali ganda berbanding Op Pedo 1.0 yang hanya merekodkan kira-kira 40,000 fail tahun lalu.

"Sebahagian suspek berperanan sebagai pentadbir kumpulan Telegram dan menawarkan akses berbayar kepada bahan CSAM melalui transaksi e-dompot serta kod QR perbankan," katanya.

Beliau menjelaskan bahan video yang dirampas mengandungi subjek daripada dalam dan luar negara, dengan sebahagian daripadanya disahkan membabitkan mangsa tempatan hasil analisis awal pasukan siasatan.

"Bahan yang dirampas terlalu banyak, ratusan ribu, bercampur.. semua bentuk ada, semua jenis ada dan ada yang membabitkan kanak-kanak tempatan," katanya.

Beliau berkata, semua suspek berusia antara 12 hingga 71 tahun terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk guru, jurutera, pereka grafik, tukang masak, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta penganggur.

"Antara dapatan penting hasil operasi ialah pembabitkan individu yang diberi amanah seperti guru agama dan lain-lain yang berkaitan, sekali gus menunjukkan jenayah ini merentasi latar sosial dan pekerjaan," katanya.

PDRM menegaskan penemuan itu membuktikan kegiatan penghasilan bahan eksploitasi seksual kanak-kanak bukan hanya berpunca dari luar negara, sebaliknya turut berlaku di dalam negara melalui aktiviti penulatan, pertukaran dan jual beli digital antara pengguna.

"Kanak-kanak kini sangat terdedah dengan teknologi digital. Mereka memuat turun, menyimpan dan berkongsi bahan yang akhirnya menjurus kepada kesalahan undang-undang.

"PDRM akan terus memperkukuh kerjasama dengan SKMM serta rakan antarabangsa untuk menumpaskan rangkaian ini sepenuhnya," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Amang seksual remaja perempuan, pemandu jengkaut dipenjar 5 tahun

Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my



Pemandu jengkaut, S Gunah, 47, dijatuhi hukuman penjara selama lima tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menyentuh paha dan lengan remaja berusia 16 tahun, Isnin lalu. FOTO AHMAD HASBI

Seremban: Pemandu jengkaut dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 16 tahun.

Hakim Datin Surita Budin menjatuhkan hukuman itu terhadap S Gunah, 47, selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan.

Mahkamah memerintahkan hukuman bermula dari tarikh tangkap 20 Oktober lalu dan tertuduh juga diarah menjalani kaunseling pemulihan dan pengawasan polis selama setahun selepas tamat hukuman penjara.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berusia 16 tahun kira-kira jam 4 petang, 20 Oktober lalu.

Mengikut fakta kes, mangsa menaiki bas dari Tampin untuk pulang ke rumahnya dan ketika berada di kawasan Bongek, Rembau, tertuduh didakwa menghampiri mangsa untuk bersalam dan meminta nombor telefon.

Mangsa tidak melayaninya dan terus menghubungi ibunya. Namun tertuduh didakwa memegang paha dan lengan mangsa sambil mengeluarkan kata-kata kesat.

Terdahulu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Noraziah Asmuni dan tertuduh tidak diwakili peguam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penganggur mengaku salah cederakan anak perempuan berusia 10 tahun guna parang

Oleh BERNAMA - Oktober 24, 2025 @ 5:38pm



Gambar hiasan. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Seorang penganggur mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan mencederakan anak perempuannya berusia 10 tahun dengan sebilah parang, dua hari lalu.

Hakim Dr Azrol Abdullah menetapkan 29 Oktober ini untuk fakta kes dan jatuh hukum bagi kes berkenaan.

K Vejesh, 49, didakwa dengan sengaja mencederakan anak kandungnya di sebuah unit pangsapuri di Setapak, Wangsa Maju di sini pada 1.30 pagi, 22 Oktober lepas.

Lelaki itu didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 326A kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Bagi Seksyen 326A Kanun Keseksaan pula, tertuduh berdepan hukuman penjara dua kali ganda tempoh maksimum yang mana tertuduh boleh dikenakan atas sabitan bagi kesalahan itu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Shakila Mohd Shariff, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.